

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa jika terdapat sebarang penyelewengan di dalam urusan 1MDB, impak kepada keyakinan umum terhadap Kerajaan dan negara akan tercabar. Nyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengeluarkan 'Kertas Putih' atau Kerajaan bersedia menubuhkan Suruhanjaya Di Raja dengan melantik mana-mana mantan Menteri Kewangan negara bagi mengetuai Suruhanjaya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Audit Negara telah pun memulakan auditan ke atas akaun 1MDB (*review of accounts*) yang bermula pada 10 Mac 2015 dan proses tersebut masih lagi berlangsung.

Seperti yang telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini, sebaik sahaja Ketua Audit Negara selesai menjalankan kajian semula akaun 1MDB, hasil auditan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.